

# Semangat Umno masih wujud

BH - 6 FEB 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Semangat Umno masih wujud walaupun kewujudan parti itu sebagai sebuah pertubuhan didapati tidak sah oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata: "Kalau dikikis nama Umno atau diberi nama baru, saya tahu dan saya yakin semangat Umno masih wujud dan akan terus wujud."

Bercakap di sidang akhbar di pejabatnya di sini, Datuk Seri Dr Mahathir, yang menggelar dirinya 'bekas Presiden Umno', berkata mereka bagaimanapun mempunyai beberapa pilihan untuk menyelesaikan masalah berhubung kedudukan Umno.

"Kita akan kaji cara yang terbaik bagi menyelesaikan masalah ini. Tetapi yang penting dalam usaha menyelesaikan masalah ini, kita akan mengutamakan mereka yang mempunyai semangat yang menyebabkan atau membolehkan Umno ditubuhkan.

"Kita masih mem-

punyai arah tujuan. Kita belum putus akal. Kita tahu ke mana nak dituju, jadi negara dan rakyat tidak perlu bimbang. Ini cuma satu masalah teknikal yang boleh diselesaikan," katanya.

"Tetapi apa yang perlu benar-benar disedari sekarang ialah ada orang dalam Umno hendak memusnahkan parti itu dan mungkin mereka kini seronok melihat keadaan Umno sekarang hasil tindakan mereka itu," katanya.

## Belanga

Ditanya reaksi awalnya selepas mendapat tahu keputusan Mahkamah Tinggi mendapati Umno sebagai pertubuhan tidak sah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya melihat 11 orang (ahli Umno yang membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perisytiharan bahawa Perhimpunan Agung Umno pada 24 April se-

bagai tidak sah dan batal) mengambil tindakan yang akhirnya menghancurkan Umno."

Beliau juga yakin maruah Umno tidak terjejas. "Dalam parti yang mempunyai 1.4 juta ahli, 8,000 cawangan dan 140 bahagian, kita tidak boleh beri jaminan tidak akan wujud dua atau tiga titik nila yang boleh merosakkan belanga susu kita."

"Ini bagaimanapun satu pengajaran kepada parti-parti politik kerana kadang-kadang ada orang yang memasuki parti dengan tujuan tidak baik. Biri-biri hitam ini, disebabkan kecewa tidak dapat sesuatu, akan berusaha untuk menghancurkan apa yang dihajatkan itu.

"Apa yang kita lihat sekarang ialah kesan daripada cita-cita mereka. Jika tidak berjaya mencapai cita-cita itu, mereka lebih rela memusnahkannya.

"Kita sudah membuat pelbagai usaha termasuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyelesaikan, tetapi mereka masih membawa masalah itu ke mahkamah," katanya.

Datuk Seri Mahathir juga berkata beliau sedar bahawa ahli-ahli

parti itu kini keliru dengan perkara yang berlaku, tetapi usaha akan dibuat untuk menerangkan kepada mereka agar tidak terus keliru.

Usaha ini bagaimanapun tidak akan dibuat atas nama Umno kerana ia tidak lagi wujud, katanya.